

Pemuda PAS ajak Pemuda Umno debat 'cari fakta sebenar sejarah'
The Malaysian Insider
05 September , 2011
Oleh Syed Mu'az Syed Putra

KUALA LUMPUR, 5 Sept — Dewan Pemuda PAS pusat melahirkan hasrat mahu berdebat dengan Pemuda Umno berhubung kenyataan kontroversi Mohamad Sabu, yang menyentuh tragedi Bukit Kepong selain mahu sejarah kemerdekaan negara ditulis semula.

Ketuanya Nasrudin Hassan berkata, pihaknya bersedia bila-bila masa untuk berdebat demi mencari kebenaran sebenar kemerdekaan negara.

Ia dilihat sebagai pelawaan berdebat ketiga daripada kepimpinan PAS kepada Umno.

“Dewan Pemuda PAS Malaysia bersedia pada bila-bila masa untuk menyertai debat ilmiah dengan Pemuda Umno demi sebuah kebenaran dan masa depan yang diasaskan oleh pembacaan sejarah yang betul dan benar.

“Debat ini bukan bertujuan untuk mencetus persengketaan walau melibatkan Pemuda PAS dan Pemuda Umno, tetapi bermaksud membedah sejarah, mencari ketulenan peristiwa yang pernah berlaku dalam sejarah kemerdekaan negara tercinta,” katanya dalam satu kenyataan.

Jelas beliau, pihaknya akan menghantar surat rasmi kepada Pemuda Umno dalam tempoh terdekat dan berharap sayap pemuda parti Melayu itu akan menerima pelawaan itu.

Tambah Nasrudin (gambar), tidak timbul PAS menyokong komunis atau menganggap komunis sebagai wira sambil menyifatkan sejarah kemerdekaan versi Umno tidak adil dan perlu ditulis semula.

“Tidak timbul PAS menyokong komunis atau menganggap komunis sebagai hero ketika membuat penegasan betapa sejarah negara perlu ditulis semula tanpa membenarkan Umno dan BN (Barisan Nasional) sekali lagi menodai sejarah gemilang negara dengan para pahlawan dan pejuang yang telah mengorbankan darah dan nyawa untuk menghalau penjajah keluar dari tanah air tercinta ini,” katanya.

Semalam, Ketua Penerangan PAS Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, pihaknya bersedia untuk berdebat dengan Umno berhubung kontroversi tragedi Bukit Kepong dan fakta sejarah negara — yang kini menjadi senjata terbaru parti Melayu itu untuk menyerang kepimpinan Mohamad.

Tuan Ibrahim berkata, ramai pejuang kemerdekaan yang tidak diiktiraf dalam sejarah termasuk Muhammad Indera atau Mat Indera, salah seorang yang terlibat dalam tragedi Bukit Kepong.

The Malaysian Insider awal pagi ini melaporkan Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin menerima cabaran berdebat berhubung kenyataan kontroversi Mohamad, yang menyentuh tragedi Bukit Kepong dan desakan bertubi-tubi agar dikaji semula fakta sejarah, dan bersedia untuk bertemu di kubu kuat PAS di Kelantan.

Khairy ini berkata beliau telah menerima jemputan yang dipanjangkan oleh kerajaan negeri Kelantan pimpinan PAS.

Bagaimanapun tidak jelas sama ada ia debat yang disyorkan oleh Tuan Ibrahim memandangkan Khairy berkata, jemputan itu datang terus daripada kerajaan Kelantan.

Mohamad yang lebih dikenali "Mat Sabu" mencetuskan kontroversi apabila memberitahu dalam satu ceramah bahawa pejuang kemerdekaan telah melancarkan serangan itu di balai polis Bukit Kepong — membunuh 25 orang — semasa pemberontakan komunis dalam 1950.

Ahli politik itu telah dituduh membela komunis oleh pemimpin Umno dan ia disiarkan dalam Utusan Malaysia walaupun Mohamad menafikan ada menggunakan perkataan komunis dalam ceramahnya.

Mohamad, dalam ceramahnya mengatakan Muhammad Indera — salah seorang individu yang dipujinya ketika ceramah pada 21 Ogos lalu telah dikatakan sebagai seorang pejuang kemerdekaan, sebagaimana disebutkan dalam Berita Harian pada 13 Ogos 2010.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemuda-pas-ajak-pemuda-umno-debat-cari-fakta-sebenar-sejarah/>